



PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI PERLIS

**PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 2 TAHUN 2019**

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN
ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2020**

TUJUAN

1. Pekeliling ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan Cadangan Anggaran Hasil, Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2020.

STRATEGI BAJET TAHUN 2020

2. Ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diunjurkan berkembang 4.9 peratus pada tahun 2019 berbanding 4.7 peratus pada tahun 2018. Di dalam mendepani senario ekonomi ini, Kerajaan Negeri perlu lebih bersedia dengan pelbagai perancangan dan strategi untuk memastikan tahap ekonomi negeri lebih mampan dan berdaya maju.

3. Kerajaan Negeri amat komited ke arah melaksanakan usaha secara berterusan untuk meningkatkan kecekapan kutipan hasil negeri dan mengoptimumkan serta menyusun semula keutamaan perbelanjaan kerajaan. Di samping itu, dalam usaha untuk mencapai Perlis Negeri Bandaraya Tahun 2030, sasaran aktiviti / program yang dirancang perlulah seiring dengan matlamat tersebut.

4. Di dalam penyediaan anggaran belanjawan bagi tahun 2020, Pegawai Pengawal hendaklah memahami dan menghayati dasar-dasar serta keutamaan Kerajaan Negeri bagi memastikan belanjawan 2020 yang disediakan seiring dengan kehendak dan hala tuju pembangunan Negeri Perlis.

5. Selaras dengan hasrat tersebut beberapa strategi utama perlu dilaksanakan antaranya:

5.1 Memantapkan **kutipan hasil negeri** seperti:

5.1.1 Mempergiatkan kutipan hasil dan tunggakan hasil negeri melalui program-program *outreach*, turun padang dan penguatkuasaan;

5.1.2 Mengenalpasti sumber-sumber hasil baharu dan kadar hasil yang patut dipungut;

5.1.3 Menyelenggara dan mengemaskini maklumat/ sistem kutipan hasil yang lebih berkesan;

5.1.4 Mengenalpasti dan mengemaskini kadar sewaan bagi mana-mana infrastruktur (cth: dewan, bilik seminar); dan

5.1.5 Merancang, merangka dan mewujudkan *task-force* di setiap agensi yang berkenaan bagi meningkatkan kutipan hasil serta menilai kaedah /program kutipan yang perlu ditambah baik.

5.2 Memperkukuhkan lagi **kedudukan kewangan negeri** dengan cara:

5.2.1 Melaksanakan langkah-langkah berjimat cermat dan kawalan dalaman yang lebih berkesan;

5.2.2 Mengoptimumkan sumber sedia ada dan mengelakkan pembaziran;

5.2.3 Mengkaji semula dan mengubahsuai program dengan memastikan hanya program yang mempunyai nilai optima bagi setiap ringgit serta benar-benar menyumbang kepada pencapaian objektif jabatan secara cekap dan berkesan;

5.2.4 Mengurangkan kos sesuatu program tanpa menjejaskan produknya;

- 5.2.5 Menjalankan program/seminar/kursus/bengkel di Negeri Perlis menggunakan kemudahan sedia ada jabatan/agensi kerajaan berdasarkan prinsip *Government-to-Government (G2G)*.
 - 5.2.6 Mempertingkatkan kawalan dan pengurusan kewangan yang lebih berkesan dengan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun peringkat jabatan mengikut jadual yang ditetapkan; dan
 - 5.2.7 Mengambil tindakan yang positif dan lebih proaktif ke atas teguran-teguran audit bagi memastikan teguran yang sama tidak berulang.
- 5.3 Menambahbaik tadbir urus pengurusan aset dan pelaksanaan perolehan kerajaan dengan kaedah seperti berikut:
- 5.3.1 Melaksanakan langkah-langkah perolehan sepertimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan, khususnya bagi perolehan di bawah Kontrak Panel Berpusat;
 - 5.3.2 Mengurangkan pelaksanaan perolehan secara rundingan terus/lantikan terus dan/atau tanpa kajian pasaran bagi menjamin ketelusan dan integriti jabatan terpelihara. Jabatan juga digalakkan memberi keutamaan kepada syarikat/pembekal di Negeri Perlis;
 - 5.3.3 Memantau pelaksanaan perolehan di jabatan adalah mengikut perancangan perolehan dan peruntukan yang telah ditetapkan. Jabatan adalah digalakkan untuk meneliti perolehan mengikut keutamaan jabatan;
 - 5.3.4 Mempertingkatkan kawalan dan pengurusan aset yang lebih berkesan dengan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) di peringkat jabatan mengikut jadual yang ditetapkan;
 - 5.3.5 Melakukan pemeriksaan teknikal untuk memastikan aset yang diterima mengikut spesifikasi yang ditetapkan serta pemeriksaan aset secara berkala di jabatan;

- 5.3.6 Melaksanakan proses pengurusan aset yang tepat merangkumi proses perolehan aset sehingga pelupusan aset tersebut, termasuklah di peringkat pengoperasian dan penyenggaraan aset; dan
 - 5.3.7 Mengambil tindakan pembetulan, pencegahan dan penambahbaikan ke atas teguran-teguran audit bagi memastikan teguran yang sama tidak berulang.
- 5.4 Meningkatkan keupayaan dan kecekapan tadbir urus di dalam sistem pentadbiran untuk menyokong sektor-sektor yang berkaitan; dan
- 5.5 Menyelaras dan mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatan sosial.
6. Selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan dan konsep *Let Managers Manage*, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan segala dasar perbelanjaan jabatan dilakukan secara teliti, cekap, berkesan dan mempunyai nilai untuk wang serta berpegang kepada amalan pengurusan kewangan terbaik supaya lebih telus dan terkawal.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL 2020

7. Pegawai Pengawal hendaklah menyemak dan bertanggungjawab bagi memastikan kemasukan data mengikut kod hasil adalah **betul dan munasabah**. Anggaran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan terperinci serta penjelasan kepada jangkaan peningkatan atau pengurangan berbanding dengan tahun sebelumnya, iaitu bagi anggaran hasil tahun 2020 berbanding anggaran tahun 2019.
8. Penyediaan anggaran hasil hendaklah berdasarkan perkara-perkara berikut:
- 8.1 Meneliti rekod prestasi kutipan hasil tiga (3) tahun kebelakangan;
 - 8.2 Perubahan dasar, peraturan atau kadar; dan
 - 8.3 Kemampuan mengutip tunggakan hasil.

9. Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan yang terperinci dengan memberi asas-asas yang tepat mengenai kadar, jumlah dan sebagainya yang menentukan jumlah setiap jenis hasil sepatutnya dipungut bagi sesuatu tahun.

10. Pegawai Pengawal/Pemungut hendaklah menyatakan keupayaan untuk memungut setiap jenis hasil bagi tahun semasa (2019) dan keupayaan untuk memungut tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:

- 10.1 Jumlah hasil bagi tiap-tiap jenis hasil yang sebenar dan sepatutnya dipungut bagi tahun 2018;
- 10.2 Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun semasa (2019);
- 10.3 Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2020; dan
- 10.4 Jumlah tunggakan terkumpul tiap-tiap jenis hasil tahun sebelum yang boleh dipungut dalam tahun 2019.

PENYEDIAAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS 2020

11. Bagi mencapai matlamat Kerajaan untuk menguruskan kewangan secara lebih berkesan, semua Pegawai Pengawal diminta untuk mengamalkan prinsip penggunaan sumber secara optimum serta memberi nilai optima bagi setiap ringgit dan pelaksanaan aktiviti yang berupaya merangsang ekonomi serta memberi nilai tambah.

12. Di samping itu, semua Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan anggaran perbelanjaan mengurus:

- 12.1 Memastikan tidak berlaku pembaziran di dalam perbelanjaan wang awam, semua program dan aktiviti yang dijalankan mestilah bersifat **kos efektif (*cost effective*)** dan mempunyai **nilai optima bagi setiap ringgit (*optimal value for money*)** yang dibelanjakan;
- 12.2 Memastikan semua perbelanjaan yang dirancang adalah mengikut aktiviti / program yang disusun mengikut dasar dan keutamaan semasa Kerajaan Negeri serta **menyumbang secara signifikan kepada *outcome* negeri;**

- 12.3 Memastikan semua perbelanjaan sedia ada/ berjadual terutamanya emolumen di bawah Objek Am 10000 termasuk bagi pegawai-pegawai kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000, sewaan, perhubungan dan utiliti, penyelenggaraan dan perkhidmatan yang berkontrak disediakan peruntukan yang mencukupi;
- 12.4 Memastikan cadangan perolehan aset baru dihadkan kepada keperluan asas jabatan yang dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan di samping keupayaan dalam penyelenggaraan aset;
- 12.5 Mematuhi garis panduan yang dikeluarkan dan yang masih berkuatkuasa berhubung perbelanjaan secara berhemat yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- 12.6 Memastikan pematuhan kepada langkah-langkah penjimatan dan menerapkan kawalan dalaman yang efektif; dan
- 12.7 Memastikan pelaksanaan perolehan adalah berdasarkan peruntukan perolehan tersebut yang telah dirancang dan diluluskan bagi tahun tersebut.

13. Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020 dimasukkan ke dalam sistem iSPEKS mengikut pecahan Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan *One-Off*.

Dasar Sedia Ada = Semua program/aktiviti yang dijalankan pada tahun semasa

Dasar Baru = Aktiviti baru termasuk tambahan, sambungan atau peluasan kepada Dasar Sedia Ada

One-Off = Sesuatu perbelanjaan bukan berulang

14. Jabatan yang mempunyai cadangan program/aktiviti di bawah **Dasar Baru** dan **One-Off** hendaklah mengemukakan justifikasi lengkap bagi permohonan yang melibatkan kedua-dua perkara tersebut. Ini termasuklah kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau keputusan-keputusan mesyuarat jabatan yang ada sebelum permohonan peruntukan dikemukakan untuk pertimbangan selanjutnya.

PENYEDIAAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2020

15. Tahun 2020 adalah merupakan tahun terakhir bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11), juga merupakan tahun bagi memastikan segala sasaran / *outcome* RMKe11 yang ditetapkan dapat dicapai. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan penyusunan bagi peruntukan yang **dipohon adalah tidak melebihi siling projek serta mengambil kira keupayaan melaksana oleh jabatan**. Justeru perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut perlu dilakukan di samping menyediakan jadual aliran kerja bagi setiap projek.

16. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) memainkan peranan penting dalam menyelaraskan dan melaksanakan semakan bajet yang dikemukakan oleh Jabatan. BPEN akan memastikan bahawa setiap jabatan menyediakan ringkasan keperluan projek (*project brief*) yang terperinci sebelum memuktamadkan sesuatu projek. Projek yang dicadangkan hendaklah meneruskan agenda Kerajaan Negeri iaitu mensejahterakan rakyat di samping selari dengan hala tuju Pelan Strategik Pembangunan Perlis 2012-2030. Kerajaan Negeri akan meneruskan komitmen dengan melaksanakan projek pembangunan yang berteraskan kepada kemakmuran rakyat. Pegawai Pengawal wajar memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek infrastruktur, sama ada baru atau penyelenggaraan yang akan memberi manfaat dan keselesaan kepada masyarakat umumnya.

17. Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan peruntukan tanda (Token) RM10.00 sahaja bagi projek baru yang akan dilaksanakan di mana urusan pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah dan kajian kemungkinan projek belum dimuktamadkan. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah memastikan bahawa hanya peruntukan yang boleh dibelanja dalam tahun berkenaan sahaja dipohon.

18. Peruntukan untuk projek-projek baru boleh dipertimbang sekiranya perkara-perkara berikut telah diambil kira:

- (i) Perancangan terperinci untuk projek tersebut telah siap dan telah mengambil kira keperluan aliran tunai sehingga projek siap,

- (ii) Pengambilan balik tanah telah selesai; dan
- (iii) Projek sedia untuk dilaksanakan.

19. Bagi cadangan projek fizikal, Jabatan Teknikal hendaklah dirujuk terlebih dahulu agar dapat ditentukan keupayaan pelaksanaan projek dan keperluan aliran tunai projek mengikut jadual bagi memastikan peruntukan pembangunan yang disediakan adalah mencukupi dan tidak berlaku *shortfall* atau lebih dalam memastikan projek yang telah dirancang dilaksanakan mengikut jadual. Kedua-dua Pegawai Pegawai dan jabatan teknikal adalah sama-sama bertanggungjawab melaksanakan pemantauan secara berkala ke atas projek-projek yang telah diluluskan bagi memastikan setiap projek yang dirancang dapat disiapkan mengikut tempoh masa dan kos yang telah ditetapkan.

PERJAWATAN

20. Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha untuk mengoptimumkan sumber manusia yang ada melalui pelaksanaan langkah-langkah mengawal saiz perkhidmatan awam selari dengan pelaksanaan program transformasi sektor awam dan dasar perbelanjaan berhemat.

21. Pelantikan pegawai kontrak baru di bawah OS29000 adalah **tidak digalakkan** kecuali benar-benar diperlukan. Selaras dengan hasrat ini, dasar untuk pewujudan jawatan baharu **tanpa melibatkan implikasi kewangan tambahan** adalah melalui:

- 21.1 Kaedah tukar ganti (*trade off*); dan
- 21.2 Penyusunan semula perjawatan (*redeployment*).

22. Permohonan hendaklah dipohon melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dengan justifikasi yang kukuh. Permohonan hanya akan dipertimbang bagi keperluan pengisian jawatan kritikal yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai dan disertakan dengan *Job Description* yang lengkap serta berdasarkan keupayaan kewangan Kerajaan Negeri.

PENYAMPAIAN CADANGAN ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2020

23. Penyediaan Buku Anggaran Belanjawan bagi tahun 2020 hendaklah disediakan seperti berikut:

23.1 Buku 1 : Anggaran Hasil dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus

23.2 Buku 2 : Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

24. Penyediaan cadangan Anggaran Perbelanjaan tahun 2020 hendaklah mengikut format di dalam sistem iSPEKS dan peraturan seperti berikut:

a) Cadangan Anggaran Hasil dikemukakan seperti berikut:

- i) Ringkasan Hasil Mengikut Objek Sebagai – **Format AH1**;
- ii) Butir-Butir Hasil Mengikut Objek Lanjut – **Format AH2**; dan
- iii) Justifikasi Anggaran Hasil – **Format AH3**.

b) Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dikemukakan seperti berikut:

- i) Ringkasan Perbelanjaan Program/Aktiviti Mengikut Objek Sebagai – **Format BM5**;
- ii) Justifikasi Anggaran Mengurus – **Format BM 5B**;
- iii) Anggaran Perbelanjaan Mengikut Objek Sebagai – **Format BM 5C**; dan
- iv) Perjawatan dan Emolumen.

c) Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dikemukakan seperti berikut:

- i) Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Senarai Projek - **Format ABP 2**;
- ii) Anggaran Perbelanjaan Pembangunan - **Format AP2**;
- iii) Justifikasi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan – **Format AP3**; dan
- iv) Keterangan mengenai projek-projek yang dicadangkan (*Project Brief*).

25. Buku Anggaran Belanjawan 2020 hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 24 Mei 2019** dengan jumlah salinan seperti berikut:

- a) **Pejabat Perbendaharaan Negeri** : Tiga (3) naskah Buku 1
- b) **Bahagian Perancang Ekonomi Negeri** : Tiga (3) naskah Buku 2

26. Bagi memastikan ianya dapat disediakan mengikut waktu yang ditetapkan seterusnya dapat dibentangkan untuk kelulusan Dewan Undangan Negeri, semua Pegawai Pengawal perlu memastikan buku anggaran belanjawan diserahkan mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

PEMERIKSAAN ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2020

27. Pemeriksaan Anggaran Hasil dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus oleh Perbendaharaan Negeri akan diadakan mulai **bulan Jun 2019**. Setiap Jabatan/ Agensi akan dimaklumkan secara rasmi dan Pegawai Pengawal hendaklah hadir dengan dibantu oleh pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dengan pengurusan kewangan Jabatan/ Agensi. Untuk tujuan pemeriksaan ini, setiap Jabatan/ Agensi hendaklah membawa bersama dokumen-dokumen berikut:

- (i) Senarai perincian bagi permohonan peruntukan di bawah Objek Sebagai 23000 (Perhubungan dan Utiliti), 24000 (Sewaan), 28000 (Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil dan 29000 (Perkhidmatan ikhtisas dan Hospitaliti;
- (ii) Senarai perincian bagi permohonan peruntukan di bawah Objek Am 30000 (Aset), 40000 (Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap) dan 50000 (Perbelanjaan-perbelanjaan Lain); dan
- (iii) Dokumen-dokumen berkaitan yang menyokong permohonan peruntukan dalam Anggaran Belanjawan Tahun 2020 seperti keputusan Kerajaan Persekutuan/ Negeri dan sebagainya.

PENUTUP

28. Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya memberi perhatian serius bagi memastikan penyediaan Anggaran Belanjawan Tahun 2020 dikemukakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Cadangan anggaran perbelanjaan hendaklah dibuat dengan teliti mengikut susunan keutamaan yang secara khususnya berlandaskan kepada *core business* dan kerangka keberhasilan jabatan secara amnya,

meningkatkan kesejahteraan rakyat di samping memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negeri.

29. Pegawai Pengawal turut diingatkan supaya merancang dan menyediakan anggaran keperluan tunai bagi mengelakkan peruntukan tambahan. Unjuran keperluan tunai perbelanjaan mengurus dan pembangunan hendaklah disediakan dengan tepat supaya dapat menggambarkan dengan jelas keperluan sumber bagi pelaksanaan sesuatu program/projek/aktiviti bagi tahun yang dirancang. Jabatan hendaklah mengemukakan **Unjuran Keperluan Tunai Tahun 2020 sebelum 31 Disember 2019** seperti di **Lampiran A dan B** berdasarkan kepada anggaran perbelanjaan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

30. Pegawai Pengawal yang memerlukan maklumat lanjut atau bantuan boleh berhubung dengan Seksyen Belanjawan dan Pinjaman, Perbendaharaan Negeri Perlis di talian 04 – 973 1807/ 1804. Pekeliling ini boleh dimuat turun melalui laman web di alamat <http://perbendaharaan.perlis.gov.my/>.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NASARUDDIN BIN ABDUL MUTTALIB)

Pegawai Kewangan Negeri Perlis

17 April 2019

s.k.

YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB Menteri Besar
Bendahari Negeri

UNJURAN ANGGARAN KEPERLUAN ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN 2018 UNTUK MAKSUD BEKALAN B06 (AKTIVITI : 100000)

BIL.	MAKSUD	SODO	PERUNTUKAN 2020	BULAN												Jumlah	BAKI PERUNTUKAN	
				JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS			
			RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
	MENGURUS (B06/100000)																	
1	Gaji dan Upahan	11000	996,600.00	70,000.00	70,000.00	70,000.00	75,000.00	75,000.00	75,000.00	80,000.00	80,000.00	80,000.00	80,000.00	95,000.00	95,000.00	95,000.00	960,000.00	36,600.00
2	Elau/limbuan Telap	12000	287,900.00	18,000.00	18,000.00	18,000.00	20,000.00	20,000.00	20,000.00	23,000.00	23,000.00	23,000.00	23,000.00	25,000.00	25,000.00	25,000.00	268,000.00	29,900.00
3	Sumbangan Berkanun Untuk Kaktangan	13000	17,200.00	1,300.00	1,300.00	1,300.00	1,400.00	1,400.00	1,400.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	17,100.00	100.00
4	Bayaran Lebih Masa	14000	3,050.00	1,000.00	200.00	200.00	250.00	250.00	250.00	-	-	300.00	300.00	400.00	400.00	500.00	2,950.00	100.00
5	Faedah-faedah kewangan yang lain	15000	10,600.00	1,000.00	1,000.00	2,000.00	2,000.00	2,000.00	2,000.00	-	-	-	3,000.00	-	-	-	9,500.00	1,100.00
6	Bayaran imbuhan Tahunan & Bantuan Kewangan	17000	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00
	Jumlah : OA 10000		1,315,360.00	90,300.00	89,300.00	89,500.00	98,400.00	96,400.00	96,650.00	109,000.00	104,500.00	104,800.00	104,800.00	121,900.00	122,000.00	122,000.00	1,247,550.00	67,810.00
7	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	21000	63,000.00	5,000.00	5,000.00	5,000.00	6,000.00	6,000.00	6,000.00	6,250.00	7,000.00	7,500.00	7,500.00	8,000.00	8,000.00	8,000.00	62,250.00	750.00
8	Pengangkutan Barang	22000	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00
9	Pembungkuan & Utiliti	23000	12,000.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	12,000.00	0.00
10	Sewaan	24000	23,000.00	1,900.00	1,900.00	1,900.00	1,900.00	1,900.00	1,900.00	1,900.00	1,900.00	1,900.00	1,900.00	1,900.00	1,900.00	1,900.00	22,800.00	200.00
11	Bahan-bahan Makanan dan Minuman	25000	10,000.00	450.00	500.00	500.00	550.00	550.00	600.00	500.00	400.00	350.00	700.00	750.00	850.00	850.00	6,650.00	3,350.00
12	Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-bahan untuk Penyelenggaraan & Pembaikan	26000	56,500.00	20,000.00	20,000.00	20,000.00	20,000.00	20,000.00	20,000.00	25,000.00	25,000.00	25,000.00	25,000.00	25,000.00	25,000.00	25,000.00	55,000.00	1,500.00
13	Bekalan & Bahan-bahan Lain	27000	13,000.00	5,000.00	5,000.00	5,000.00	5,000.00	5,000.00	5,000.00	5,000.00	5,000.00	5,000.00	5,000.00	5,000.00	5,000.00	5,000.00	12,000.00	1,000.00
14	Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil	28000	150,000.00	5,000.00	7,000.00	7,000.00	8,000.00	9,000.00	10,000.00	8,000.00	16,000.00	10,000.00	10,000.00	15,000.00	10,000.00	20,000.00	123,000.00	27,000.00
15	Perkhidmatan Ikhlas dan Hospitaliti	29000	327,510.00	12,350.00	15,900.00	35,000.00	17,900.00	17,950.00	22,000.00	41,650.00	26,800.00	21,850.00	34,400.00	18,950.00	24,750.00	24,750.00	289,500.00	38,010.00
	Jumlah : OA 20000		327,510.00	12,350.00	15,900.00	35,000.00	17,900.00	17,950.00	22,000.00	41,650.00	26,800.00	21,850.00	34,400.00	18,950.00	24,750.00	24,750.00	289,500.00	38,010.00
16	Kenderaan dan Jentara	34000	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
17	Harta Modal Yang Lain	35000	33,450.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	30,000.00	3,450.00
	Jumlah : OA 30000		33,450.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	10,000.00	30,000.00	3,450.00
18	Pembelian Dalam Negeri	42000	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
19	Ganjaran	47000	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	Jumlah : OA 40000		0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	Jumlah Keseluruhan		1,676,320.00	102,650.00	105,200.00	134,500.00	116,300.00	124,350.00	118,650.00	160,650.00	131,300.00	126,650.00	159,200.00	140,850.00	146,750.00	146,750.00	1,567,050.00	105,820.00

Sila kemaskini perbelanjaan terkumpul setiap bulan

Disahkan oleh :
(Pegawai Pengawal)

Jabatan :

Tarikh :

LAPORAN KEPERLUAN TUNAI BULANAN BAGI PROJEK PEMBANGUNAN

BUTIRAN KOD PROJEK	PERUNTUKAN 2020 (RM)	UNJURAN KEWANGAN												BAKI PERUNTUKAN	CATATAN			
		JAN (RM)	FEB (RM)	MAC (RM)	APR (RM)	MEI (RM)	JUN (RM)	JUL (RM)	OGOS (RM)	SEPT (RM)	OKT (RM)	NOV (RM)	DIS (RM)			JUMLAH UNJURAN		
09101 Jalan Kampung Pondok	10.00																10.00	
09201 Jambatan Pengkalan Assam	10.00																10.00	
09301 Naiktaraf Jalan Negeri	1,500,000.00			50,000.00							250,000.00							
09302 Naiktaraf Persimpangan Jalan Negeri	1,500,000.00				100,000.00						200,000.00							
09303 Naiktaraf Jambatan serta kemudahan awam	600,000.00				50,000.00	350,000.00					100,000.00							
09401 Membina Tambahan/Masjid Baru	2,000,000.00				250,000.00						300,000.00							
JUMLAH JABATAN KERJA RAYA	5,600,020.00	-	-	50,000.00	400,000.00	350,000.00	750,000.00	100,000.00	800,000.00	800,000.00	350,000.00	400,000.00	200,000.00	950,000.00	600,000.00	600,000.00	20.00	

Sila kemaskini perbelanjaan terkumpul setiap bulan

Disahkan oleh :
(Pegawai Pengawal)

Jabatan :

Tarikh :